

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) terus mengukuhkan kedudukannya sebagai universiti ke arah kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar apabila tersenarai pada kedudukan ke-17 dalam ranking UI-Greemetric Universiti Dunia.

UPM yang membuat lonjakan tertinggi pada 2015 berbanding tempat ke-41 pada tahun sebelumnya turut mencatat sejarah apabila menduduki ranking pertama Asia berbanding kedudukan ke-4 pada 2014 berdasarkan keputusan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Penarafan itu berjaya menarik perhatian 407 universiti daripada 66 negara berbanding 360 daripada 62 negara pada tahun lalu. Ranking

UPM 17 terbaik dunia



DR. AINI IDERIS

itu merupakan satu-satunya kedudukan yang mengukur komitmen setiap universiti dalam membangunkan infrastruktur mesra alam persekitaran.

Penarafan kelestarian alam sekitar itu dinilai berdasarkan 40 indikator yang meliputi enam skop utama iaitu infrastruktur (15 peratus), tenaga dan perubahan cuaca (21 peratus), sisa buangan (18 peratus), air (10 peratus), pengangkutan (18 peratus) dan pendidikan (18 peratus).

Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Dr. Aini Ideris** berkata, kejayaan itu merupakan komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan.

"UPM mencatatkan peningkatan terutamanya dalam indikator pengangkutan dan infrastruktur seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau selain penggunaan tenaga yang cekap serta peningkatan kemudahan dan penggunaan basikal di kampus," katanya.

Universiti dari Amerika Syarikat dan Eropah mendominasi ranking ke-16 teratas dan tempat pertama iaitu University of Nottingham diikuti University of Connecticut, University of California, Davis; University College Cork National University of Ireland dan University of Oxford.

Buat tahun keenam berturut-turut, UPM mengetuai universiti awam di Malaysia dalam kedudukan tersebut mendahului Universiti Malaya pada kedudukan ke-65 dunia (tahun lalu 72), Universiti Tunku Abdul Rahman ke-106 (93), Universiti Kebangsaan Malaysia ke-110 (118), Universiti Teknologi Malaysia ke-117 (86) dan Universiti Malaysia Sabah ke-173 (244).



KELESTARIAN dan suasana pengurusan alam sekitar yang baik menjadi pemangkin dalam melahirkan graduan UPM yang cemerlang dan holistik